




Standard Tanggungjawab untuk Pembekal



PEROLEHAN



Standard

Sebagai Johnson & Johnson, kami berpegang pada **tanggungjawab** yang terkandung dalam Kredo Kita.

Ini kekal sah untuk semua Syarikat yang terdiri daripada Keluarga Syarikat Johnson & Johnson kami (“Syarikat Johnson & Johnson”). Standard Tanggungjawab untuk Pembekal (“Standard”) ini **mencerminkan nilai kita** dan pihak berkepentingan luaran kami seperti pelanggan, pengawal selia, pelabur dan masyarakat sivil.

Kami faham hubungan perniagaan menjadi lebih baik jika dibina berdasarkan **kepercayaan, saling menghormati dan nilai bersama**.

Credo Kami

Kami percaya bahawa tanggungjawab utama kami adalah kepada pesakit, doktor dan jururawat, kepada ibu dan bapa serta semua yang menggunakan produk dan khidmat kami. Untuk memenuhi keperluan mereka, semua yang kami lakukan mesti berkualiti tinggi. Kami mesti sentiasa berusaha untuk memberikan nilai, mengurangkan kos dan mengekalkan harga yang berpatutan. Tempahan daripada pelanggan mesti diurus dengan segera dan tepat. Rakan niaga kami mesti mempunyai peluang untuk mendapat keuntungan yang berpatutan.

Kami bertanggungjawab terhadap para pekerja yang bekerja dengan kami di seluruh dunia. Kami mesti menyediakan persekitaran kerja yang inklusif, iaitu tempat yang setiap pekerja mesti dianggap sebagai seorang individu. Kami mesti menghormati kepelbagaian dan maruah mereka serta mengiktiraf kebolehan mereka. Mereka mesti memiliki rasa terjamin, kepuasan dan keazaman dalam pekerjaan mereka. Pampasan perlu adil dan mencukupi, dan suasana tempat kerja mesti bersih, teratur dan selamat. Kami mesti menyokong kesihatan dan kesejahteraan pekerja kami serta membantu mereka memenuhi tanggungjawab kekeluargaan dan tanggungjawab peribadi mereka yang lain. Pekerja perlu berasa bebas untuk memberikan cadangan dan membuat aduan. Mesti ada peluang yang adil untuk pekerjaan, pembangunan, dan kenaikan pangkat kepada semua yang layak. Kami mesti menyediakan pemimpin yang berkebolehan tinggi dan tindakan mereka mestilah adil dan beretika.

Kami bertanggungjawab terhadap masyarakat di kawasan kami tinggal dan bekerja serta kepada masyarakat dunia. Kami mesti membantu orang ramai menjadi lebih sihat dengan menyokong akses dan penjagaan yang lebih baik di lebih banyak tempat di seluruh dunia. Kami mesti menjadi warga yang baik — menyokong kerja amal dan kebajikan, kesihatan dan pendidikan yang lebih baik, serta menanggung kewajipan cukai yang sewajarnya. Kami mesti menjaga harta benda yang kami gunakan, memelihara alam sekitar dan sumber-sumber asli.

Tanggungjawab terakhir kami adalah terhadap pemegang saham kami. Perniagaan mesti menghasilkan keuntungan yang baik. Kami mesti menguji idea-idea baharu. Penyelidikan mesti diteruskan, program inovatif dibentuk, pelaburan dibuat untuk masa depan dan kesilapan mesti dibayar ganti rugi. Peralatan baharu mesti dibeli, fasiliti baharu disediakan dan produk baharu dilancarkan. Simpanan mesti disediakan untuk bekalan pada waktu sukar. Apabila kami beroperasi berpandukan prinsip-prinsip ini, para pemegang saham dapat menikmati pulangan yang baik.

Johnson & Johnson

Prinsip, Jangkaan dan Pendekatan

Kami mencari hubungan bersama pembekal yang beroperasi mengikut prinsip berikut:

- ① Mematuhi undang-undang dan peraturan yang terpakai.
- ② Berkelakuan beretika dan berintegriti.
- ③ Menyediakan barangan dan perkhidmatan berkualiti tinggi dan mengintegrasikan kualiti dalam proses perniagaan.
- ④ Mengamalkan kelestarian alam sekitar dan beroperasi dengan cara yang mengurangkan kesan alam sekitar.
- ⑤ Menghormati hak asasi manusia dan buruh termasuk keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan semua pekerja.
- ⑥ Memupuk budaya kepelbagaian, ekuiti & keterangkuman.
- ⑦ Bersikap telus tentang semua kesan terhadap alam sekitar, hak asasi manusia dan pihak berkepentingan yang lain.
- ⑧ Melaksanakan sistem pengurusan dan amalan keselamatan maklumat yang melindungi maklumat peribadi, mengekalkan kesinambungan perniagaan, mentadbir prestasi dan memacu peningkatan berterusan.

Pembekal kepada Syarikat Johnson & Johnson dijangka:

- Mematuhi Standard yang terkandung dalam dokumen ini.
- Melakukan usaha yang munasabah untuk mendedahkan maklumat yang berkaitan dengan Standard ini (contohnya di laman web, dalam laporan atau terus kepada Johnson & Johnson).
- Mengekalkan keperluan yang sama dalam pangkalan bekalan dan hubungan perniagaan mereka.

Pendekatan Johnson & Johnson menggalakkan penglibatan yang membina bersama pembekal kami dan bermatlamat untuk membantu membina keupayaan mereka selaras dengan Standard ini.

Kami juga mungkin terlibat dalam aktiviti untuk mengesahkan pematuhan pembekal terhadap Standard ini termasuk penilaian kemudahan di tapak, penggunaan soal selidik, semakan maklumat yang tersedia atau langkah lain yang perlu.

Syarikat Johnson & Johnson boleh membatalkan kelayakan mana-mana pembekal yang berpotensi atau menamatkan sebarang hubungan dengan pembekal semasa yang gagal mematuhi Standard ini.

Berdasarkan semangat Standard yang ditunjukkan di sini, kami menggalakkan semua orang agar melaporkan sebarang kelakuan yang diketahui atau dipercayai melanggar dasar, garis panduan atau undang-undang yang dikenakan oleh Johnson & Johnson melalui [Talian Integriti Kredito Kita](http://www.ourcredointegrityline.com) www.ourcredointegrityline.com. Talian ini tersedia 24 jam sehari, 7 hari seminggu, dalam 24 bahasa dan membolehkan semua orang bertanya soalan atau melaporkan pematuhan, etika, keselamatan atau kebimbangan kualiti. Laman web dan talian telefon diuruskan oleh pihak luar bagi memastikan kerahsiaan.

Undang-undang dan Peraturan

Pembekal kepada Syarikat Johnson & Johnson dijangka beroperasi dengan mematuhi semua undang-undang dan peraturan negara, negeri dan kawasan tempat mereka beroperasi. Ini termasuk undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan amalan perniagaan beretika, kualiti, amalan buruh dan pekerjaan serta kesihatan, keselamatan dan perlindungan alam sekitar.

Pembekal dijangka mematuhi standard industri yang diterima umum, mendapatkan dan mengekalkan semua permit, lesen dan pendaftaran yang berkenaan dan beroperasi mengikut had dan keperluan permit pada setiap masa.

Pembekal dijangka **mematuhi standard industri yang diterima umum...**

Etika dan Tatakelakuan Perniagaan

Pembekal kepada Syarikat Johnson & Johnson dijangka berkelakuan secara beretika dan berintegriti dalam semua transaksi perniagaan. Oleh yang demikian, mereka hendaklah:

- Mengekalkan standard untuk amalan perniagaan yang adil termasuk pengiklanan yang tepat dan benar serta persaingan yang adil.
- Melarang keras pembayaran rasuah, sogokan, bayaran kemudahan, sumbangan politik yang menyalahi undang-undang, atau pembayaran atau ganjaran lain yang menyalahi undang-undang atau tidak sah atas sebarang sebab termasuk penepian penalti atau denda atau penerimaan sebarang item lain yang bernilai, manfaat atau hadiah istimewa, sama ada disediakan secara langsung atau melalui pihak ketiga seperti pengedar, broker kastam atau ejen lain.
- Melarang konflik kepentingan kewangan atau profesional.
- Memastikan pekerja boleh melaporkan kebimbangan atau aktiviti yang menyalahi undang-undang di tempat kerja tanpa ancaman tindakan balas, pembalasan, ugutan atau gangguan.
- Melaksanakan perlindungan untuk mencegah penggunaan harta intelek yang tidak wajar, termasuk pendedahan maklumat sulit atau sensitif termasuk harga, strategi, maklumat pekerja dan pesakit.
- Mengekalkan persekitaran ketelusan dan menyimpan buku dan rekod yang tepat.
- Memperlakukan semua haiwan yang digunakan dalam aktiviti dengan cara yang beretika dan berperikemanusiaan, mematuhi Dasar Penjagaan dan Penggunaan Haiwan Berperikemanusiaan Johnson & Johnson dan mematuhi prinsip penggantian, penghalusan dan pengurangan ujian haiwan dalam penyelidikan makmal.

Kualiti

Pembekal kepada Syarikat Johnson & Johnson dijangka menyediakan barangan dan perkhidmatan berkualiti tinggi dengan cara yang boleh dipercayai dan tepat pada masa **yang secara konsisten memenuhi keperluan pelanggan, selamat untuk kegunaan yang dimaksudkan dan berfungsi seperti yang diharapkan.**

Pembekal mesti memenuhi spesifikasi yang dipersetujui dalam perjanjian yang berkenaan, pesanan belian atau perhubungan kontrak yang lain. Pembekal mesti memenuhi keperluan kualiti minimum tertentu yang ditetapkan termasuk pematuhan peraturan iaitu produk yang dihasilkan untuk Syarikat Johnson & Johnson boleh dijual. Pembekal juga dijangka mewujudkan kawalan dengan pangkalan bekalan mereka bagi memastikan keperluan kualiti dipenuhi. Oleh yang demikian, mereka hendaklah:

- Mewujudkan dan mengekalkan keperluan kualiti untuk melindungi integriti barangan dan perkhidmatan yang disediakan.
- Meningkatkan kualiti dan kecekapan proses secara berterusan.
- Memaklumkan kepada Syarikat Johnson & Johnson yang berkaitan tentang perubahan yang dicadangkan pada spesifikasi, kaedah, pembekal, bahan/komponen, proses pembuatan/pembekalan, lokasi pembuatan atau peralatan untuk menentukan kesan ke atas produk Syarikat Johnson & Johnson.
- Menyokong Syarikat Johnson & Johnson yang berkaitan atau perwakilan yang diberi kuasa untuk menjalankan audit Kualiti dan/atau penilaian terhadap kemudahan, sistem dan/atau dokumen yang berkaitan dengan barangan dan perkhidmatan yang disediakan dan segera memberikan maklum balas dan mengambil tindakan pembetulan untuk membetulkan sebarang pemerhatian yang dinyatakan.
- Segera memaklumkan kepada pihak berkuasa Kesihatan Syarikat Johnson & Johnson yang berkaitan tentang pemeriksaan dan isu kawal selia seperti tetapi tidak terhad pada surat amaran, pemerhatian Borang 483 Pentadbiran Makanan dan Dadah, surat ketidakpatuhan, rampasan dan injunksi, termasuk sebarang pemerhatian yang berkaitan dengan produk mana-mana Syarikat Johnson & Johnson atau sistem kualiti iaitu produk Johnson & Johnson dibuat.
- Memastikan semua palet yang digunakan untuk membekalkan barangan kepada mana-mana Syarikat Johnson & Johnson adalah mematuhi Dasar Palet Johnson & Johnson.

Tanggungjawab Alam Sekitar

Pembekal kepada Syarikat Johnson & Johnson dijangka untuk **beroperasi dengan cara yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan menggalakkan pangkalan bekalan mereka untuk melakukan perkara yang sama.**

Oleh yang demikian, mereka hendaklah:

- Berusaha untuk mengoptimumkan penggunaan sumber asli dan bahan secara cekap dalam operasi perniagaan mereka.
- Mewujudkan matlamat pengurangan pelepasan gas rumah hijau berasaskan sains awam ke arah pelepasan sifar bersih.
- Meningkatkan kecekapan tenaga secara berterusan dan meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui dalam operasi.
- Mengukur dan mendedahkan pelepasan gas rumah hijau secara terbuka.
- Melaksanakan program untuk mengurus dan mengawal pelepasan udara dan air sisa, memastikan pematuhan dan perlindungan kesihatan manusia dan alam sekitar.
- Mencegah dan mengurangkan tumpahan dan pelepasan bahan berbahaya secara tidak sengaja ke dalam alam sekitar dan sebarang kesan buruk seterusnya kepada komuniti tempatan.
- Menguruskan sisa dengan patuh dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar, keselamatan pekerja dan kesihatan awam daripada penghasilan melalui pengumpulan, penyimpanan, pengangkutan dan pelupusan muktamad.
- Melaksanakan program untuk mengurangkan, mengguna semula dan mengitar semula sisa serta menggalakkan kebolehkitar semula dan kandungan kitar semula dalam bahan pembungkusan.
- Melaksanakan program pengawasan air yang merangkumi pemantauan pengeluaran air serta menilai dan mengurangkan risiko di kawasan yang mengalami tekanan air.
- Memastikan semua bahan tumbuhan dan hasil hutan yang dibeli telah dikeluarkan dan dituai secara sah, mematuhi undang-undang dan peraturan mengenai penggunaan dan perlindungan hutan serta dieksport dan diimport secara sah.
- Mengintegrasikan pertimbangan biodiversiti dan program pemuliharaan yang menggalakkan amalan adil dan saksama di seluruh operasi dan pangkalan bekalan mereka.
- Memastikan produk tidak mengandungi bahan dan bahan kimia larangan atau haram.

Selain itu, pembekal perlu membuktikan mereka mempunyai dasar dan sistem pengurusan untuk mengenal pasti, mencegah, mengurangkan dan mengambil kira kesan terhadap alam sekitar dalam operasi dan pangkalan bekalan mereka.

Hak Asasi Manusia dan Buruh

1 daripada 2

Pembekal kepada Syarikat Johnson & Johnson dijangka menghormati semua hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa¹ dalam operasi mereka, pangkalan bekalan dan hubungan perniagaan selaras dengan tanggungjawab yang dimiliki oleh semua syarikat di bawah [Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia](#).

Pembekal perlu mengelak daripada melanggar hak asasi manusia dan buruh serta menangani kesan negatif dalam operasi, pangkalan bekalan dan hubungan perniagaan mereka. Oleh yang demikian, mereka hendaklah:

- Melarang penggunaan buruh paksa, terikat atau wajib termasuk buruh penjara tanpa rela. Pembekal tidak boleh terlibat dalam sebarang bentuk pemerdagangan manusia atau sebarang amalan seperti perhambaan.
- Tidak menyekat kebebasan pekerja bergerak dan memastikan pekerja mempunyai akses kepada dokumen pengenalan diri, kertas imigresen, permit kerja dan dokumen peribadi yang lain.
- Memastikan pekerja termasuk pekerja migran asing tidak membayar yuran atau kos lain yang berkaitan dengan perekrutan dan pekerjaan mereka (contohnya kos guaman, perjalanan, penginapan, pemprosesan pasport atau visa, pemeriksaan kesihatan, latihan atau peralatan perlindungan diri).
- Memastikan pekerja mengetahui terlebih dahulu terma dan syarat kerja mereka, sebaik-baiknya melalui kontrak pekerjaan bertulis.
- Melarang penggunaan buruh kanak-kanak. Pengambilan pekerja muda hendaklah mematuhi Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa 138 dan 182 dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan berkenaan umur, jam kerja, pampasan, kesihatan dan keselamatan.
- Menyediakan tempat kerja yang bebas daripada diskriminasi dan gangguan termasuk gangguan atau penderaan seksual dan paksaan mental atau fizikal. Tidak harus ada diskriminasi atau gangguan terhadap individu berdasarkan jantina, bangsa, warna kulit, umur, bahasa, etnik, asal negara, orientasi seksual, identiti/ekspresi jantina, kehamilan, keadaan perubatan, kecacatan, agama, keahliaan kesatuan, status peribumi, perkhidmatan ketenteraan atau status perkahwinan dalam amalan perekrutan dan pekerjaan dan di tempat kerja.
- Menghormati hak semua pekerja untuk bebas bergaul, menubuhkan dan menyertai kesatuan sekerja pilihan mereka, untuk mendapatkan perwakilan, untuk berunding secara kolektif dan untuk terlibat dalam perhimpunan aman serta menghormati hak pekerja untuk mengelak daripada aktiviti tersebut. Pekerja dan/atau wakil mereka hendaklah dapat berkomunikasi secara terbuka dengan pihak pengurusan mengenai keadaan kerja tanpa rasa takut akan tindakan balas, ugutan atau gangguan.
- Menyediakan keadaan kerja yang selamat, bersih dan teratur, menghormati hak pekerja untuk berehat dan mengambil hari cuti. Pembekal hendaklah mematuhi semua undang-undang yang terpakai dan perjanjian kolektif termasuk perkara berkaitan waktu bekerja, kerja lebih masa, peraturan waktu maksimum, waktu makan dan rehat serta cuti bergaji. Kerja lebih masa hendaklah diberikan secara sukarela dengan pengiktirafan keperluan perniagaan dan penjagaan cermat terhadap kesihatan dan keselamatan pekerja. Kerja lebih masa hendaklah diberi pampasan pada kadar premium selaras dengan undang-undang sebagai standard minimum.

Hak Asasi Manusia dan Buruh

2 daripada 2

- Membayar gaji dan manfaat yang adil (ditetapkan atau dirundingkan) yang memenuhi atau melebihi minimum undang-undang untuk semua jam bekerja dan menyediakan taraf hidup yang mencukupi. Pembekal hendaklah memaklumkan kepada semua pekerja tentang gaji yang akan dibayar kepada mereka sebelum memulakan kerja, sebarang kerja lebih masa yang diperlukan dan gaji yang akan dibayar untuk kerja lebih masa sedemikian serta menyediakan penyata gaji yang tepat pada masa dan boleh difahami kepada pekerja.
- Menyediakan cara kepada semua pekerja dan individu yang terjejas untuk mengemukakan kebimbangan, aduan dan rungutan dengan cara yang mudah diakses dan sulit serta tanpa rasa takut akan gangguan dan tindakan balas. Isu-isu hendaklah ditangani dengan cara yang tepat pada masa dan penuh hormat serta termasuk dokumentasi dan tindakan pembedahan.

Selain itu, pembekal hendaklah membuktikan mereka mempunyai dasar dan sistem pengurusan untuk mengenal pasti, mencegah, mengurangkan dan mengambil kira kesan negatif mereka (berpotensi atau sebenar) terhadap hak asasi manusia dan buruh dalam operasi, pangkalan bekalan dan hubungan perniagaan mereka.

Selaras dengan Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, ini termasuk komitmen rasmi untuk menghormati hak asasi manusia, usaha wajar hak asasi manusia yang berterusan, penglibatan dengan pihak berkepentingan yang terjejas, melaksanakan pengaruh ke atas pembekal dan

rakan kongsi perniagaan terhadap kesan mereka, membolehkan pemulihan kesan negatif hak asasi manusia dan pertimbangan untuk individu yang berisiko dan terdedah.²

¹ “Hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa” telah difahami sekurang-kurangnya seperti yang dinyatakan dalam Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa dan “Prinsip dan Hak Asas di Tempat Kerja” Pertubuhan Buruh Antarabangsa ([Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia - ms.13-14](#)).

² Individu “berisiko/terdedah”: Pembekal hendaklah mempertimbangkan:

- Jenis pekerja yang berbeza dalam operasi dan pangkalan bekalan mereka termasuk pekerja, pekerja sementara, kontinjen, kontrak, subkontrak atau pekerja sumber luar.
- Kumpulan lain yang berpotensi berisiko atau terpinggir seperti wanita, kanak-kanak dan belia, warga emas, etnik minoriti, agama minoriti, individu LGBTIQ+, orang asli, orang kurang upaya, pekerja migran asing, pekerja penjara dan pelarian.
- Kesan jantina yang berbeza seperti wanita dan gadis.

Pembekal kepada Syarikat Johnson & Johnson dijangka menghormati semua hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa¹ dalam operasi mereka, pangkalan bekalan dan hubungan perniagaan...

Kepelbagaian Pembekal, Ekuiti & Keterangkuman

Pembekal kepada Syarikat Johnson & Johnson dijangka memupuk budaya Kepelbagaian, Ekuiti dan Keterangkuman (DEI) dalam organisasi mereka dan di seluruh pangkalan bekalan mereka. Pembekal hendaklah mengamalkan DEI yang merangkumi kepelbagaian pembekal sebagai strategi perniagaan, amalan dan budaya untuk mengubah dunia kita dan kehidupan semua orang, mengukuhkan penciptaan nilai dan menyokong komitmen hak asasi manusia kita. Oleh yang demikian, mereka hendaklah:

- Memahami dan menyokong komitmen Kepelbagaian & Keterangkuman Pembekal Global kami termasuk membangunkan program kepelbagaian pembekal mereka.
- Secara aktif mempromosikan penggunaan pelbagai dan pembekal kecil di seluruh perniagaan mereka dan dalam perkongsian mereka bersama Syarikat Johnson & Johnson untuk memacu kesan masyarakat dan ekonomi dalam populasi yang kurang mendapat perkhidmatan.
- Menyediakan akses yang sama kepada pekerjaan dan peluang untuk semua orang selaras dengan jangkauan Hak Asasi Manusia kita.
- Menggalakkan persekitaran inklusif dalam organisasi mereka yang menghormati maruah dan kepelbagaian semua orang serta melaksanakan dasar dan amalan untuk menjadikan DEI sebagai cara menjalankan perniagaan.

Kesihatan, Keselamatan dan Kesejahteraan Pekerja

Pembekal kepada Syarikat Johnson & Johnson dijangka mengekalkan tempat kerja mereka dan mana-mana tempat tinggal yang digunakan untuk menempatkan pekerja dengan cara yang bersih, teratur dan selamat. Oleh yang demikian, mereka hendaklah:

- Menyediakan kemudahan dan peralatan yang diperlukan untuk memastikan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan pekerja dan pelawat (contohnya dua egress untuk keluar dengan selamat dari kawasan atau bangunan, penggera kebakaran dan sistem pengesanan, peralatan perlindungan diri).
- Melaksanakan program untuk melindungi pekerja dan untuk mencegah atau mengawal pendedahan pekerja kepada bahaya tempat kerja termasuk bahaya kimia, biologi dan fizikal.
- Melaksanakan program untuk mengurus proses dengan selamat dan mencegah kejadian bencana.
- Mengenal pasti situasi kecemasan yang berpotensi, melaksanakan langkah pencegahan dan latihan serta bersedia untuk melaksanakan prosedur tindak balas kecemasan.
- Menyediakan maklumat keselamatan dan kesihatan yang berkaitan dengan bahan berbahaya serta latihan kesihatan dan keselamatan pekerjaan yang diperlukan.
- Memastikan keperluan program kesihatan dan keselamatan untuk kontraktor dan subkontraktor yang bekerja di kemudahan pembekal adalah konsisten dengan keperluan untuk pekerja.
- Menggalakkan budaya keselamatan dan kesejahteraan termasuk menggalakkan akses kepada program kesihatan yang memberikan kesan positif kepada kesihatan fizikal dan mental pekerja.

Pembekal kepada Syarikat Johnson & Johnson dijangka mengekalkan tempat kerja dan mana-mana tempat tinggal mereka...

Pematuhan Penjagaan Kesihatan (HCC)

Pembekal kepada Syarikat Johnson & Johnson dan mana-mana pihak ketiga yang terlibat bersama kami dalam profesional penjagaan kesihatan atau pegawai kerajaan dijangka **mengekalkan pendirian kukuh kami terhadap rasuah dan sogokan selaras dengan undang-undang antirasuah yang mungkin terpakai kepada satu atau kedua-dua pihak dan undang-undang yang wujud di kebanyakan negara di seluruh dunia.**

Oleh itu, berhubung dengan mana-mana hubungan Johnson & Johnson, mereka hendaklah:

- Mematuhi undang-undang dan standard etika tempatan dan antarabangsa yang terpakai dan melarang keras rasuah, sogokan, pembayaran haram dan sebarang tawaran item bernilai lain yang mungkin mempengaruhi atau memberikan ganjaran kepada pesanan, pembelian, pengesyoran atau penggunaan produk dan perkhidmatan kami secara tidak wajar, sama ada disediakan secara langsung atau melalui pihak ketiga seperti pengedar, broker kastam atau ejen lain.
- Memastikan latihan yang sesuai diberikan kepada semua individu yang diambil bekerja atau dilantik oleh mereka termasuk ahli gabungan atau subkontraktor mereka yang terlibat bersama kami dalam profesional penjagaan kesihatan atau pegawai kerajaan.
- Mengelakkan sebarang tindakan lain yang boleh mempengaruhi keputusan perubatan profesional penjagaan kesihatan secara tidak wajar atau keputusan entiti yang membeli, memesan, mengesyorkan atau menggunakan produk dan perkhidmatan kami termasuk profesional penjagaan kesihatan, pengawal selia kerajaan dan pihak berkuasa pemeriksaan.
- Mengekalkan buku dan rekod kewangan yang betul.

Privasi

Pembekal kepada Syarikat Johnson & Johnson dijangka melindungi maklumat peribadi mengikut privasi global dan keperluan perlindungan data...

Pembekal kepada Syarikat Johnson & Johnson dijangka melindungi maklumat peribadi menurut privasi global dan keperluan perlindungan data, Rangka Kerja Privasi Global Johnson & Johnson dan amalan terbaik am untuk perlindungan maklumat peribadi. Maklumat Peribadi ialah sebarang maklumat yang berkaitan dengan individu yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti. Oleh yang demikian, pembekal hendaklah:

- Menghormati privasi pekerja, kontraktor, pekerja, pelanggan dan orang lain yang maklumat peribadi mereka boleh diakses oleh pembekal, dengan mematuhi undang-undang tempatan dan antarabangsa serta kewajipan kontrak dalam pengumpulan, penggunaan dan perlindungan maklumat peribadi.
- Mematuhi keperluan pemindahan data rentas sempadan seperti yang dikehendaki oleh peraturan yang berkenaan termasuk Perjanjian Pemindahan Data dengan subkontraktor.
- Memastikan keperluan Privasi dimaklumkan kepada subkontraktor dan mengenakan kewajipan yang mencerminkan perjanjian dengan Syarikat Johnson & Johnson.
- Memastikan kawalan teknikal dan pentadbiran yang sesuai disediakan supaya Syarikat Johnson & Johnson boleh mematuhi kewajipan Menentukan Data Peribadi mengikut Jenis.
- Tidak menjual maklumat peribadi yang disediakan oleh Syarikat Johnson & Johnson.
- Melaporkan sebarang kejadian atau kejadian disyaki yang menjejaskan kerahsiaan dan integriti maklumat peribadi bagi memastikan Syarikat Johnson & Johnson boleh memenuhi kewajipan untuk melaporkan tepat pada masa kepada pihak berkuasa dan subjek data yang terjejas.
- Tidak membayar sebarang wang tebusan untuk serangan perisian tebusan tanpa melaporkan kejadian itu kepada Johnson & Johnson terlebih dahulu.
- Mengikuti standard antarabangsa dan keperluan Johnson & Johnson untuk menyahnamakan maklumat peribadi sebelum menggunakan data tanpa nama bagi tujuan analisis jika dibenarkan oleh Johnson & Johnson.
- Memastikan keselamatan maklumat peribadi semasa transit dan dalam storan.
- Tidak menggunakan, berkongsi atau mengakses maklumat peribadi bagi tujuan kedua tanpa kebenaran bertulis daripada Johnson & Johnson.
- Melengkapkan sebarang latihan Privasi yang diberikan kepada wakil mereka semasa proses suai tugas atau sebagai kemas kini berkala.

Sistem Pengurusan dan Keselamatan Maklumat

Pembekal kepada Syarikat Johnson & Johnson dijangka mengurus aktiviti mereka secara sistematik dengan amalan keselamatan maklumat yang sesuai dan direka untuk melindungi data dan sistem, mengekalkan kesinambungan perniagaan, menambah baik operasi dan memenuhi Standard yang ditetapkan dalam dokumen ini. Oleh yang demikian, mereka hendaklah:

- Menunjukkan komitmen pengurusan kanan melalui dasar, objektif dan proses formal.
- Membangunkan proses dan standard untuk mengekalkan kerahsiaan, integriti dan ketersediaan data untuk memastikan data dilindungi, lengkap, tepat dan tepat pada masa.
- Mencipta, mengawal dan menyimpan dokumen dan rekod sambil mematuhi keperluan pematuhan yang berkenaan.
- Mengurus risiko seperti kejadian, kecemasan berkaitan produk, operasi perniagaan/isu kesinambungan dan ketidakpatuhan kepada Standard ini melalui pemantauan dan prosedur tindak balas kejadian. Kejadian sedemikian mesti dilaporkan kepada pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan dan/atau Johnson & Johnson, jika sesuai.
- Menetapkan matlamat dan objektif prestasi termasuk penambahbaikan penyiasatan aduan, tindakan pembetulan dan prosedur audit dalaman.
- Mengekalkan rantai bekalan yang selamat dan terjamin dengan membekalkan produk dan bahan tulen yang dihasilkan dengan kawalan yang teliti, kebenaran yang sesuai dan mengikut keperluan yang ditentukan oleh Syarikat Johnson & Johnson yang berkaitan.
- Memanfaatkan standard keselamatan maklumat dan amalan terbaik industri untuk mematuhi Pameran Perlindungan Data Johnson & Johnson (DSE), Keperluan Keselamatan Maklumat Pembekal (SISR) dan keperluan keselamatan yang berkaitan.
- Jika sesuai, tunjukkan komitmen terhadap standard keselamatan maklumat dengan mengikut pensijilan atau akreditasi (contohnya ISO 27001).
- Menyediakan latihan yang mencapai tahap pengetahuan, kemahiran dan kecekapan yang sesuai dalam pengurusan dan pekerja untuk menangani jangkaan ini.
- Menggunakan proses dan kawalan untuk melanjutkan unsur berkenaan Standard ini ke pangkalan bekalan mereka.

Pembekal kepada Syarikat Johnson & Johnson dijangka mengurus aktiviti mereka secara sistematik dengan amalan keselamatan maklumat yang sesuai dan direka untuk melindungi data dan sistem...

Sumber

① Etika & Kelakuan

Dasar Penjagaan dan Penggunaan Haiwan Berperikemanusiaan
Johnson & Johnson

www.jnj.com/about-jnj/policies-and-positions/humane-care-and-use-of-animals-policy

② Kualiti

Dasar Palet Johnson & Johnson seperti yang dirujuk dalam Perjanjian/Kontrak Perkhidmatan Induk yang berkenaan dalam Terma & Syarat Perjanjian/Kontrak/ Pesanan Belian Perkhidmatan Induk

③ Hak Asasi Manusia dan Buruh

Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia

<https://www.business-humanrights.org/en/big-issues/un-guiding-principles-on-business-human-rights/>

Pembekal dijangka mematuhi peruntukan yang berkaitan bagi dasar dan kedudukan berkaitan hak asasi manusia dan buruh Johnson & Johnson yang berikut:

Kedudukan Hak Asasi Manusia

www.jnj.com/about-jnj/policies-and-positions/our-position-on-human-rights

Dasar Pemerdagangan Manusia

www.jnj.com/about-jnj/policies-and-positions/human-trafficking-policy

Dasar Pengambilan Pekerja Muda

www.jnj.com/about-jnj/policies-and-positions/employment-of-young-persons-policy

Kedudukan dalam Pekerjaan & Hak Buruh

www.jnj.com/about-jnj/policies-and-positions/our-position-on-employment-and-labor-rights

Kedudukan untuk Menyediakan Tempat Kerja yang Selamat & Tanpa Gangguan

www.jnj.com/about-jnj/policies-and-positions/our-position-on-providing-a-safe-and-harassment-free-workplace

Kedudukan pada Mineral Konflik

www.jnj.com/about-jnj/policies-and-positions/our-position-on-conflict-minerals

④ Kepelbagaian Pembekal, Ekuiti & Keterangkuman

Kepelbagaian Pembekal Global & Komitmen Keterangkuman

www.jnj.com/suppliers/supplier-diversity-inclusion

⑤ Sistem Pengurusan dan Keselamatan Maklumat

Pameran Perlindungan Data Johnson & Johnson (DSE) sebagaimana yang berkenaan dalam Perjanjian/Kontrak Perkhidmatan Induk

Keperluan Keselamatan Maklumat Pembekal (SISR) sebagaimana yang berkenaan dalam Perjanjian/Kontrak Perkhidmatan Induk

⑥ Pematuhan Penjagaan Kesihatan (HCC)

Set Peralatan Pematuhan Perantara Pihak Ketiga (TPI)

<http://content.learnshare.com/courses/134/3283664/content/index.html?#/lessons/QkXT4hJvUqWs2yu072dTvPHRuDVLKnvl>

Latihan Perantara Pihak Ketiga (TPI)

<https://www.jjhccpinfo.com/en-us>

⑦ Privasi

Rangka Kerja Pematuhan Privasi Global Johnson & Johnson tersedia atas permintaan

Dasar untuk Menetapkan Data Peribadi mengikut Jenis tersedia atas permintaan

Johnson & Johnson

Untuk maklumat lanjut, sila lawati kami di: www.jnj.com/partners & healthforhumanityreport.jnj.com
Ini ialah versi semasa Standard Tanggungjawab Johnson & Johnson untuk Pembekal dan akan menggantikan semua versi sebelumnya.

© Hak Cipta Johnson & Johnson Services, Inc. 2022